

'Moknik' dapat layanan VIP



Apabila sembah sepenuhnya, Moknik akan dilepaskan semula ke laut.



Proses rawatan luka di atas belakang Moknik.

Penyu agar cedera itu dirawat dengan teknologi terkini dan canggih sejak Mac lalu

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

DUNGAN

Penyu adalah salah satu khazanah tidak ternilai dan ikon penting kepada rakyat di negeri ini.

Pelbagai usaha dilakukan kerajaan khususnya Jabatan Perikanan Malaysia Terengganu untuk memperkasakan langkah memelihara dan memulihara spesies terancam itu.

Kewujudan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang memainkan peranan penting dalam memastikan penyu-penyu yang terperangkap dan cedera diberi rawatan serta dapat meneruskan kelangsungan hidup dan membias.

Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, 2018 mencatat jumlah paling tinggi FRI menerima kes penyu tercedera akibat terperangkap pada pukat nelayan dan terdampar.

Sinar Harian berpeluang mengikuti salah satu rawatan yang dilakukan terhadap seekor penyu agar atau nama saintifiknya *Chelonia Mydas* di pusat rawatan berkenaan, baru-baru ini.

Penyu betina yang diberi nama 'Moknik' seberat 100 kilogram ditemui cedera dan terdampar di

Pantai Maknik, Geliga, Kemaman beberapa bulan lalu kerana dihempap dahan pokok ketika naik ke darat untuk bertelur.

Bagaimanapun Moknik berasis baik diselamatkan nelayan sebelum diserahkan kepada FRI Rantau Abang untuk rawatan lanjut.

Guna kepakaran dan teknologi baharu

Ketua Cawangan Marmalia Marin, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, rawatan terhadap Moknik dilakukan sejak Mac 2018 sehingga kini.

Menurutnya, bagi melaksanakan rawatan, FRI Rantau Abang bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

"Bahagian karapas pada kepala pecah hingga ke tengah badan dan luka dialami agak dalam.

"Kita teruskan rawatan susulan

bagi memastikan rawatan diberikan sebelum ini memberi kesan positif.

"Kalau dikira dari segi kos rawatan, FRI tidak mampu menampung keseluruhan tetapi dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan jabatan veterinar semuanya berjalan lancar," katanya.

Hadir sama, Pegawai perubatan dari Jabatan Veterinar Negeri Johor, Dr Norina Lokman Zaidin Ahmad dan Pegawai Perubatan dari UMK, Dr Mimi Armiladiana Mohamad.

Katanya, bagi memberi kesembuhan kepada Moknik, pihaknya melakukan rawatan secara moden dan tradisional dengan menggunakan khidmat jabatan veterinar dan UMK kerana kepakaran serta teknologi dimiliki pihak terlibat.

"Jabatan veterinar menggunakan kepakaran yang ada untuk merawat Moknik, manakala

UKM mempunyai kelengkapan teknologi yang terkini dan canggih.

"Contohnya kita gunakan teknologi X-Ray untuk melihat sama ada terdapat luka atau patah di bahagian dalam.

"Tanpa kedua-dua bantuan agensi ini, usaha merawat Moknik dan penyu-penyu lain mungkin mengalami kesukaran," katanya.

Kaedah tradisional turut bantu kesembuhan

Beliau berkata, walaupun menggunakan kepakaran dan teknologi untuk merawat penyu tercedera, kaedah tradisional juga amat membantu.

"Menurut pakar dari jabatan veterinar, jika tidak mempunyai ubat dan alatan moden, kaedah tradisional boleh dilakukan untuk rawatan segera.

"Contohnya dengan menggunakan kunyit, daun aloe

vera dan serbuk kopi untuk merawat luka sehingga sembuh," katanya.

Katanya, sehingga kini terdapat tujuh ekor penyu dengan lima daripadanya berusia tiga hingga lima tahun serta dua ekor penyu dewasa berumur 40an yang masih dikuarantin di FRI untuk rawatan.

"Apabila disahkan sudah sembah sepenuhnya, kesemua hidupan marin terancam itu akan dilepaskan semula ke laut.

"Kita juga meminta semua masyarakat terutama nelayan supaya terus menyalurkan maklumat sekiranya menemui penyu tercedera supaya lebih banyak haiwan ini dapat diselamatkan.

"Masyarakat juga digesa sama-sama menjaga kebersihan dan keindahan alam sekitar sama ada di darat atau laut supaya tidak mendatangkan bahaya kepada haiwan dilindungi ini," katanya.



Antara yang terlibat dalam proses merawat Moknik.